


KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI)

TARIKH: 9 SEPTEMBER 2019

MUKA SURAT: 10



PUSAT Pakar Meteorologi ASEAN (ASMC) melaporkan terdapat titik panas di kawasan di wilayah Kalimantan, Indonesia dan pergerakan angin ke arah Barat Laut, utara Sarawak. - ASMC

IPU negara tidak baik

Oleh HAKIMI ISMAIL
pengarang@utusan.com.my

■ PUTRAJAYA 8 SEPT.

SEMUA lokasi atau stesen di seluruh negara menunjukkan status kualiti udara yang tidak baik dalam bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) hari ini.

Dalam bacaan itu, sebanyak 58 stesen menunjukkan status kualiti udara sederhana, lapan stesen mencatatkan bacaan IPU tidak sihat dan dua stesen ditahap IPU sangat tidak sihat.

Jabatan Alam Sekitar (JAS) dalam kenyataannya berkata, dua stesen yang mencatatkan IPU sangat tidak sihat ialah di Sri Aman, Sarawak (IPU 238) dan Kuching, Sarawak (IPU 223).

"Lapan stesen yang mencatatkan IPU tidak sihat ialah membabitkan tujuh kawasan di Sarawak iaitu di Samarahan (IPU 200), Sibu (IPU 185), Mukah (IPU 177), Miri (IPU 155), ILP Miri, (IPU 142), Kuala Baram (IPU 116) dan Bintulu, (IPU 110).

"Satu lagi kawasan yang menunjukkan IPU tidak sihat ialah di Johan Setia, Selangor dengan bacaan IPU 124," kata jabatan itu dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Menurut JAS, kebakaran hutan yang berlaku di Sumatera dan Kalimantan, Indonesia masih menyebabkan jerebu merentas sempadan dan memberi kesan kepada peningkatan bacaan IPU di semua kawasan di sepanjang Pantai Barat Semenanjung Malaysia dan bahagian Barat Sarawak.

"Kabakaran belukar bagi tujuan pertanian yang berlaku di Jalan 9, Johan Setia, Klang memberi kesan kepada peningkatan bacaan IPU di stesen Johan Setia, Klang dan jerebu setempat di Bandar Putera 2, Klang.

"Pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) sedang memadamkan api tersebut dan pihak JAS Selangor juga sedang mencari pemilik tanah untuk tindakan penguatkuasaan," katanya.

Selain itu, JAS telah meningkatkan tindakan penguatku-

saan dan aktiviti rondaan harian ke kawasan-kawasan yang berpotensi berlakunya aktiviti pembakaran terbuka serta memantau bacaan IPU dari masa ke ssemasa.

Dalam pada itu katanya, Pelan Tindakan Pembakaran Terbuka Kebangsaan dan Pelan Tindakan Jerebu Kebangsaan telah diaktifkan bagi menyelaraskan tindakan-tindakan agensi kerajaan dalam menangani isu pembakaran terbuka dan menghadapi situasi jerebu.

Sementara itu, di Johor Bahru, Menteri Pendidikan, Dr. Maszlee Malik berkata, kementerian itu sedang memantau seluruh sekolah di Sarawak khususnya murid yang menduduki Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) berikutan bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) sangat tidak sihat pagi ini.

Katanya, Jabatan Pendidikan negeri akan mengambil langkah sewajarnya dalam memastikan keselamatan murid dan mengikut Prosedur Operasi Standard (SOP) sedia ada.